

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

9. Tasik Merometik di Taman Negara Telok Bahang sudah 2 tahun tidak terbentuk apabila berlakunya monsun.
- (a) Adakah sebarang kajian dilakukan dalam mencari sebab mengapa ia tidak terbentuk?
 - (b) Apakah rancangan yang diambil dalam memastikan kewujudan semula tasik merometik ini?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Tasik Meromiktik adalah merupakan sebuah tasik yang unik di Taman Negara Pulau Pinang (TNPP). Fenomena yang berlaku secara semulajadi ini menjadi salah satu tarikan utama pelancong untuk berkunjung ke TNPP. Namun fenomena secara semulajadi ini telah tidak berlaku selama dua (2) tahun berturut-turut.
- (a) Pihak TNPP sedang berhubung dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) bagi menjalinkan kerjasama dalam bentuk kajian untuk mengenalpasti punca tasik ini telah tidak lagi terbentuk secara semulajadi selama dua (2) tahun berturut-turut.
 - (b) Perancangan pihak TNPP adalah dengan melaksanakan pemantauan Tasik Meromiktik secara berkala bagi memastikan keadaan semulajadi kawasan sekitarnya tidak terganggu sementara mendapatkan khidmat nasihat daripada NAHRIM.

